



teri, Datuk Seri Najib Razak bagi mengukuhkan perpaduan serta mengekalkan keharmonian negara.

Pengarah Pusat Alumni UMS, Prof Madya Dr Mahmud Sudin, berkata program dua hari bermula hari ini sehingga Jumaat ini adalah asas permulaan untuk mengenal budaya dan asal-usul sesuatu kaum serta pakaian tradisi di Malaysia amnya sekali gus memartabatkan budaya serta seni tempatan.

“Program itu juga dapat menjadi medium khususnya mahasiswa UMS untuk mengasah bakat, memupuk serta mengamalkan semangat cintakan tradisi dan keharmonian.

“Ia juga mampu melahirkan warga intelek, kreatif dan berdaya saing serta graduan mempunyai semangat cintakan warisan seni budaya Malaysia,” katanya pada majlis perasmian program 1Malaysia di puncak Gunung Kinabalu di sini, semalam.

Dr Mahmud (empat dari kiri) pada majlis penyerahan bendera UMS kepada peserta pendaki Gunung Kinabalu di Kota Kinabalu.

BH 29.11.2012 12

[FOTO GLORIA JAYMESS/BH]

30 pendaki berpakaian tradisional

Kota Kinabalu: Program 1Malaysia di puncak Gunung Kinabalu menampilkan kelainan apabila 30 pendaki akan memakai pakaian tradisional suku kaum negeri ini di gunung tertinggi di Asia Tenggara itu.

Selain itu, upacara khas kaum Murut dikenali iaitu ‘monopuk’ atau menyumpit bakal diadakan di puncak Gunung Kinabalu bagi memperingati sejarah zaman nenek moyang diamalkan pada za-

man perang atau ketika memburu.

Program anjuran bahagian Kebudayaan dan Kesenian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) diadakan selaras saranan Perdana Men-